

03/02/1998

Umno Pahang pastikan adakan rundingan

KUANTAN, Isnin - Badan Perhubungan Umno Pahang akan memastikan semua pemilihan bagi jawatan parti pada peringkat bahagian di negeri ini, dijalankan secara rundingan supaya perpaduan parti berkekalan.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yakin hasrat itu boleh tercapai walaupun setakat ini sekurang-kurangnya empat bahagian dikatakan akan menyaksikan pertandingan sama ada bagi jawatan ketua bahagian dan timbalan ketua bahagian.

Ketua bahagian Bentong, Datuk Adnan Yaakob, Ketua bahagian Temerloh, Datuk Sabbaruddin Chik, Ketua bahagian Maran, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, dikatakan menghadapi pertandingan, dan begitu juga Timbalan Ketua bahagian Kuantan, Datuk Jamal Nasir.

Menurut Mohd Khalil, Umno Pahang mahu pemilihan peringkat bahagian dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan, selaras hasrat Majlis Tertinggi Umno.

"Pada masa ini, kita sedang berusaha ke arah itu supaya ia menjadi satu kenyataan.

"Selaku Pengerusi Perhubungan Umno negeri, saya yakin semua masalah akan dapat diatasi," katanya ketika ditemui di sini.

Pemilihan Umno peringkat bahagian akan diadakan dari 12 hingga 29 Mac depan manakala peringkat cawangan, bulan ini.

Dalam lawatannya ke Kelantan, baru-baru ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT akan menjelaskan kepada anggota dan pemegang jawatan parti peringkat bahagian supaya mencapai persetujuan di kalangan mereka bagi mengelak pertandingan, demi kepentingan parti.

"Kita utamakan kepentingan parti walaupun kita percaya kepada demokrasi. Demokrasi yang membawa kepada pecah-belah bukan sesuatu yang kita suka lihat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, prinsip pemilihan di peringkat bahagian Umno tahun ini akan lebih mengutamakan pendekatan kompromi dengan seboleh-bolehnya mencari titik persetujuan oleh semua pihak yang ingin bertanding.

Mohd Khalil memberi contoh bahawa beberapa, termasuk bahagian Paya Besar yang diketuainya dan Rompin, Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, pemilihan akan diadakan secara rundingan.

"Justeru, saya tidak nampak masalah akan timbul di kalangan pemimpin bahagian, semata-mata demi kepentingan Umno," katanya.

(END)